

PERUTUSAN TAHUN BARU KETUA PENGARAH LLM 2019

YBHG DATO' IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

YBHRS. IR. ABDULLAH BIN HASHIM

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

YBHRS. PUAN ZURAIDA BINTI SHAHARUDDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

PENGARAH- PENGARAH

PEGAWAI- PEGAWAI

DAN KAKITANGAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

MUKADIMAH

1. LLM DENGAN SENARIO SEMASA TERUS BERDEPAN DENGAN PELBAGAI CABARAN BESAR DAN DALAM PELBAGAI BENTUK , BAGI MEMENUHI TUNTUTAN DAN KEHENDAK SEMUA PEMEGANG **TARUH**, KEKUATAN SEDIADA PERLU DIPERKASAKAN DAN KEKUATAN BAHARU PERLU DIRINTIS DAN DIBINA DEMI KELANGSUNGAN LLM DI MASA DEPAN.
2. **DENGAN VISI DAN MISI (SLIDE 1)** LLM YANG PENUH BERMAKNA YANG TELAH LAMA TERPAHAT DI HATI KITA, SAYA PASTI DAN SEMESTINYA MENJADI PEMBAKAR SEMANGAT UNTUK MEMBERI KEYAKINAN DAN KEKUATAN KEPADA SELURUH WARGA LLM UNTUK MELAKSANAKAN AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB.
3. KITA HARUS BERBANGGA DAN BERSYUKUR ATAS APA YANG TELAH DI CAPAI SELAMA INI TETAPI YANG LEBIH PENTING KITA PERLU BERGANDING BAHU UNTUK MENEROKA KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN YANG BAHARU YANG LEBIH TINGGI.
4. NAMUN DENGAN REALITI DAN PERSEKITARAN YANG SENTIASA BERUBAH-UBAH DAN JUGA BERDEPAN DENGAN CABARAN

BESAR YANG BERTERUSAN, SAYA BERPANDANGAN PENEKANAN BERTERUSAN KEPADA PERKARA ASAS AMATLAH RELEVAN.

5. DI DALAM KEADAAN APAPUN, YANG PENTING KITA PERLU SENTIASA BERSEDIA DAN MENYEDARI BAHAWA SETIAP CABARAN BAHARU MEMERLUKAN KEKUATAN BAHARU DAN PENDEKATAN DALAM KAEDAH BAHARU.
6. **UNTUK MELETAKKAN LLM DI TAHAP KECEMELANGAN YANG BAHARU, SUDAH TENTU IANYA SATU TANGGUNGJAWAB YANG KITA PIKUL MENJADI TERLALU BERAT, MELEWATI BATAS KEPENTINGAN PERIBADI, MALAH MENUNTUT BANYAK PENGORBANAN DARIPADA WARGA LLM. (SLIDE 2)**
7. UNTUK ITU, SAYA AMAT MEMERLUKAN SELURUH WARGA LLM MENYUARAKAN PENDAPAT MEREKA YANG KONSTRUKTIF YANG MEMBINA KEPADA PIHAK PENGURUSAN LLM AGAR USAHA PENAMBAHBAIKAN SECARA BERTERUSAN DAPAT DILAKSANAKAN.
8. SEHUBUNGAN DENGAN INI, PEPATAH AFRIKA YANG BERBUNYI – **IF YOU WANT TO WALK FAST, WALK ALONE BUT IF YOU WANT TO WALK FAR, WALK TOGETHER (SLIDE 3)**. TETAPI DI DALAM

KONTEKS KITA HARI INI, SAYA TELAH MENGUBAH PEPATAH INI YANG BERBUNYI SEPERTI BERIKUT : **WE MUST WALK FAR AND FAST TOGETHER (SLIDE 4)**

PEMANSUHAN LEBUHRAYA TOL

9. MENGIKUT PERJANJIAN PH YANG KE 44, KERAJAAN MENEGASKAN LEBUHRAYA TOL AKAN DIMANSUHKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT MENGIKUT KEMAMPUAN KEWANGAN NEGARA. (SLIDE 5)

10. SAYA SECARA PERIBADI AMAT YAKIN BAHAWA INDUSTRI LEBUHRAYA MASIH LAGI BEGITU RELEVAN DENGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR YANG PENTING SEBAGAI TONGGAK PEMBANGUNAN SOSIAL EKONOMI SESEBUAH NEGARA.

11. DI DALAM KONTEKS INI, APA YANG PENTING IALAH KITA PERLU Mencari satu model penswastaaan yang baharu dengan membangunkan satu model kewangan yang lestari yang boleh mengimbangi kehendak semua pemegang iaitu seperti syarikat konsesi / pengguna / kerajaan sendiri. Kelestarian ini bukan hanya

MERUJUK KEPADA ALAM SEKITAR SAHAJA MALAH KELESTARIAN INI SEHARUSNYA MENCAKUPI / MERANGKUMI SEBARANG URUSAN YANG DILAKUKAN SEKARANG DENGAN MENGAMBILKIRA PROSPEKTIF DAN IMPAKNYA TERHADAP MASA DEPAN. PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU MELALUI SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI TELAH MENGGARISKAN 17 MATLAMAT YANG TELAH DIPERSETUJUI.

REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (IR 4.0)

12. IMPAK IR 4.0 SUDAH TENTU AKAN MERUBAH TATA KELOLAAN SESEBUAH ORGANISASI TIDAK TERKECUALI LLM.
13. DI DALAM HAL INI, LLM PERLU MELAKSANAKAN PEMBAHARUAN PENGURUSAN, PENGAWALSELIAAN DAN OPERASINYA TERMASUK KOMUNIKASI DENGAN MENERAPKAN ELEMEN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DIGITAL SERTA AUTOMASI DI DALAM MENSTRANSFORMASIKAN SISTEM PENYAMPAIAN.
14. DI DALAM HAL INI, KITA MEMPUNYAI KOLEKSI DATA YANG BEGITU LENGKAP DAN MELUAS. INI ADALAH KEKUATAN LLM.

DENGAN INI KITA PERLU GUNA KEKUATAN LLM BIG DATA DAN DATA ANALITIK UNTUK MEMBANTU LLM MEMBINA KECEMERLANGAN.

REVOLUSI INDUSTRI 4.0

IOT/AI/BIG DATA & DIGITALIZATION

15. PELBAGAI PERUBAHAN DAN EVOLUSI TELAH BERLAKU DI DALAM INDUSTRI INI KHUSUSNYA YANG MELIBATKAN DASAR, POLISI, OPERASI, PENYELENGGARAAN SERTA TEKNOLOGI.
16. PERUBAHAN TEKNOLOGI YANG SENTIASA DINAMIK TELAH MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA PENGGUNA / SYARIKAT KONSESI / STAKEHOLDER.
17. SEHUBUNGAN DENGAN INI, LLM SENTIASA MEMBERI GALAKAN DAN PENEKANAN KEPADA SYARIKAT KONSESI UNTUK MENGGUNAPAKAI TEKNOLOGI-TEKNOLOGI BAHARU YANG BOLEH MEMBERIKAN HASIL YANG BERKUALITI TINGGI DAN MENJIMATKAN KOS.
18. SAYA AMAT BANGGA KERANA LLM SENDIRI SEBAGAI GAME-CHANGERS TELAH MEMPERKENALKAN BANYAK SISTEM APPS SEPERTI HAQS, EPI, TEAMS, EPTL, EPPI DAN SEUMPANANYA

YANG MEMPU MEMBERI IMPAK YANG BESAR KEPADA MASYARAKAT.

'UNLEARN & RELEARN'

19. SEMUA WARGA LLM PERLU Mencari roh dan refleksi mengenai kejayaan-kejayaan yang telah kita kecapai dan memikirkan semula rasional minda, emosi dan tindakan kita dalam menghadapi dinamik kehidupan masa kini dan masa akan datang.
20. WARGA LLM PERLU berganding bahu serta memerah seluruh kecerdikan, kepakaran, pengalaman dan keringkat untuk terus melakar kejayaan dan kecemerlangan LLM di masa-masa hadapan.
21. PENGEMBELENGAN KESEMUA sumber dan kepakaran secara cekap, optimum dan bersinergi mampu membolehkan LLM mara ke hadapan dan relevan sepanjang zaman.
22. DALAM pada itu, SELURUH WARGA LLM PERLU BERSEDIA untuk **'UNLEARN DAN RELEARN'**. Kita tidak boleh berada selesa dengan pencapaian dan kejayaan masa dulu dan

MASA KINI. KITA PERLU MELAKSANAKAN SESUATU AGENDA YANG LEBIH BERIMPAK TINGGI.

23. INI BERMAKNA KITA PERLU MELAKSANAKAN SESUATU DENGAN KEDAH YANG BAHARU KERANA **“OUR BUSINESS NEVER AS USUAL” (SLIDE 6)** LAGI SEPERTI *KARA HOWARD SHULTS* (PENGASAS STARBUKS) BERKATA **“KAMI TELAH MEMBINA JENAMA STARBUCKS TERLEBIH DAHULU DENGAN ORANG-ORANG KAMI, BUKAN DENGAN PENGGUNA KERANA KAMI PERCAYA CARA TERBAIKI UNTUK MEMENUHI DAN MELAMPAUI JANGKAAN PELANGGAN KAMI ADALAH UNTUK MENGAMBIL DAN MELATIH ORANG-ORANG HEBAT, KAMI MELABUR DALAM PENGAMBILAN PERKERJA” (SLIDE 7)**

24. APAKAH MAKSUD PETIKAN KATA-KATA TERSEBUT? IANYA MEMBERI MAKSUD BAHAWA CARA TERBAIK UNTUK MENCIPTA KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN MELANGKAU / MELAMPAUI JANGKAAN STAKEHOSLDER, KITA MESTI BERMULA DARIPADA DALAM. TUAN-TUAN / PUAN-PUAN ADALAH ORANG-ORANG YANG HEBAT YANG CUKUP KEMAHIRAN DAN BERPENGALAMAN HENDAKLAH MENJADI PENCETUS KEJAYAAN YANG AKAN LLM KECAPI DI MASA-MASA HADAPAN. SAYA AMAT YAKIN TUAN-

TUAN / PUAN-PUAN BOLEH LAKUKAN SESUATU DEMI LLM YANG KITA CINTAI SEPERTI LIRIK LAGU LLM, BARIS TERAKHIR.

AYUH BANGKIT TUAN-TUAN /PUAN-PUAN.

25. ALLAH JUGA BERFIRMAN DI DALAM AL QURAN SURAH AR-RA'D, AYAT 11 – DI MANA FIRMANNYA LEBIHKURANG SEPERTI BERIKUT (SLIDE8):

“SESUNGGUHNYA ALLAH TIDAK MENGUBAH KEADAN SESUATU KAUM MELAINKAN MEREKA SENDIRI MENGUBAH KEADAAN DIRI MEREKA SENDIRI”

26. PENGURUSAN KEWANGAN BERSTRATEGIK

- PENDAPATAN VS PERBELANJAAN
- BERDASARKAN KEPADA TREND SEKARANG, LLM TIDAK BOLEH LAGI BERGANTUNG KEPADA BAJET-BAJET PEMBANGUNAN UNTUK TINGKATKAN PENDAPATANNYA.
- LLM PERLU MENGURUSKAN KEWANGAN YANG LEBIH BERSTRATEGIK UNTUK MENGHASILKAN SUMBER PENDAPATAN.
- KITA SEBOLEH MUNGKIN MENGEKALKAN SEGALA KEMUDAHAN YANG KITA KECAPI PADA MASA INI SEPERTI :
 - PERUBATAN

- BIASISWA UNTUK LANJUTAN PELAJARAN DAN SEBAGAINYA.

27. PENCAPAIAN KPI LLM

- DAPATKAN PERBANDINGKAN PENCAPAIAN KPI SEJAK MULA DIPERKENALKAN SEHINGGA 2018. (SLIDE 12)
“THE PAST CANNOT BE CHANGED, BUT THE FUTURE IS YET IN YOUR POWER” (SLIDE 13)
- KITA TIDAK BOLEH LAGI MENGULANGI KESILAPAN DAN KELEMAHAN YANG LAMPAU. KITA PERLU BERGERAK KE DAPAN DENGAN CEPAT DAN PANTAS SEJAJAR DENGAN PERUBAHAN YANG BEGITU RADIKAL PADA MASA KINI.
- KITA TIDAK BOLEH LAGI SELESA DI DALAM KEPOMPONG YANG LAMA KERANA DUNIA TELAH BERUBAH TIDAK SEPERTI SEEKOR KATAK DI DALAM PERIUK MASA BERASA AMAT SELESA DI DALAM PERIUK TERSEBUT TETAPI APABILA PERIUK TERSEBUT DILETAKKAN DI ATAS API, KATAK TERSEBUT MASIH LASI SELESA KERANA AIR DALAM PERIUK MASIH LAGI SUAM-SUAM PANAS, SI KATAK MASIH KEKAL DI DALAM PERIUK TANPA MENGETAHUI BAHAWA

SUHU AIR SEMAKIN LAMA SEMAKIN MENINGKAT, AKHIRNYA SI KATAK MATI KEPANASAN.

- JANGAN KITA SEUMPAMA SI KATAK TERSEBUT MATI KEPANASAN. KITA PERLU BERUBAH DAN MEMBINA MASA DEPAN LLM YANG LEBIH DINAMIK DAN CEMERLANG.
- WE NEED TO BREAK OUR OLD PATTERNS – WE NEED TO TRANSFORM – WE NEED TO CREATE MORE VALUE – THAN ONLY PEOPLE WILL RESPECT LLM.

28. KITA MESTI PEKA DENGAN KEADAAN SEMASA, POLISI SEMASA, SENARIO SEMASA DAN KEHENDAK SEMASA STAKEHOLDERS.

29. OLEH ITU, KITA PERLU MELENGKAPKAN DIRI KITA MASING-MASING DENGAN ILMU PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN YANG CUKUP UNTUK DHORMATI.

30. UNTUK PEGAWAI BARU, SAYA SEKALI LAGI MERAYU KEPADA TUAN / PUAN SUPAYA MENGAMBIL SEGERA KESEMPATAN YANG ADA UNTUK BERDAFTAR DENGAN BADAN-BADAN PROFESIONAL MASING-MASING.

31. BERUSAHALAH KE ARAH ITU, SEPERTI KATA PERPATAH MELAYU :

“KALAU TIDAK DIPECAHKAN RUYONG MANKAN DAPAT SAGUNYA”

32. KITA SEBAGAI BADAN PENGAWALSELIA SYARIKAT KONSESI MESTI BERADA DI TAHAP YANG LEBIH TINGGI DARI SEGI:

- PENGETAHUAN
- TEKNIKAL KNOW HOW
- PENGALAMAN

33. UNTUK KEKAL SEBAGAI **TERAJU** DI DALAM INDUSTRI LEBUHRAYA, KITA PERLU BERINOVASI DAN KREATIF DI DALAM MENINGKATKAN PRODUK ATAU PERKHIDMATAN YANG LEBIH BAIK SEPANJANG MASA.

34. INOVASI DAN KREATIVITI SUDAH TENTU DAPAT MEMBERIKAN NILAI BAHARU KEPADA PELANGGAN DAN STAKEHOLDERS YANG BOLEH MEMBERI MANFAAT DAN NILAI TAMBAH KEPADA KEADAAN SEDIADA.

INTEGRITI

35. SUKACITA SAYA MENGINGATKAN DIRI SAYA SENDIRI DAN TUAN / PUAN AKAN PERIHAL KEPENTINGAN KITA SEMUA UNTUK SENTIASA KOMITED DALAM MENDUKUNG PRINSIP INTEGRITI DAN BERSIH DARIPADA SEGALA BENTUK RASUAH.
36. SEPERTIMANA YANG DIKRARKAN SEBENTAR TADI, KITA HENDAKLAH SENTIASA
- TIDAK TERLIBAT DENGAN AKTIVITI RASUAH DALAM APA CARA JUGA
 - BERUSAHA MENGUJUDKAN PERSEKITARAN BEBAS DARI RASUAH
 - TIDAK MENYALAHGUNAKAN HARTA KERAJAAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI
 - MENEGAKKAN PRINSIP INTEGRITI DI DALAM SEMUA URUSAN DAN INTERAKSI DENGAN RAKAN NIAGA KITA.
- DENGAN INI SAYA SENTIASA MENGALI-ALUKAN SEBARANG TEGURAN DAN CADANGAN UNTUK PENUTUPAN JURANG, PELUANG DAN RUANG YANG BOLEH MENIM
 - BULKAN SEBARANG UNSUR-UNSUR RASUAH.

15. PENUTUP

- SAYA INGIN MERAKAMKAN SEPENUH PENGHARGAAN DAN TAHNIAH KEPADA SELURUH WARGA LLM DI ATAS SEGALA USAHA, JERIH PERIH, PENGORBANAN DAN DEDIKASI ANDA SEMUA DI DALAM MELAYARI KEPAYAHAN, KESUKARAN DAN CABARAN DEMI MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SEPANJANG TAHUN 2018.
- SAYA AMAT YAKIN KEJAYAAN DAN KECEMELENGAN LLM DAPAT TERUS DICAPAI DAN DIKECAPI DI MASA-MASA HADAPAN SEKIRANYA KITA KOMITED DAN BERSATU HARI DI DALAM MELAKSANAKAN VISI DAN MISI LLM SECARA BERSAMA-SAMA DAN SECARA KOLEKTIF SEBAGAI SATU PASUKAN YANG MANTAP DAN BERSATU PADU.
- SAYA JUGA AMAT YAKIN BAHAWA TAHUN2019 AKAN MENJANJIKAN SATU TAHUN YANG AMAT MENCABAR BAGI KITA SEMUA.
- APAPUN KITA YANG AKAN MENENTUKAN HALA TUJU LLM
- **INILAH MASANYA UNTUK KITA BERUBAH – “IT’S TIME TO CHANGE” (SLIDE 14)**
- AYUH KITA BANGKIT DAN PASTIKAN LLM SENTIASA RELEVAN SEPANJANG ZAMAN

SEKIAN

WABILLAH – TAUFIK – WALHIDAYAH – ASSALAMUALAIKUM WB.

,